



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-60 YAYASAN
TUNKU ABDUL RAHMAN (YTAR)**

13 OGOS 2026, KHAMIS

8.00 MALAM

**FEDERAL HALL 1, BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
KUALA LUMPUR**

Salam Malaysia Madani and Salam Perpaduan.

**Salutasi terkini akan disediakan secara berasingan*

PENGENALAN

1. Malam ini, kita berhimpun di bangunan yang penuh bersejarah ini untuk meraikan satu pencapaian yang cukup bermakna iaitu **Ulang Tahun Ke-60 Yayasan Tunku Abdul Rahman**. Enam dekad membawa satu legasi besar dalam memperkasa pendidikan dan membina generasi Malaysia.
2. Sejarah Yayasan ini bermula pada tahun 1965 melalui cadangan penubuhan sebuah dana pendidikan sebagai penghargaan terhadap jasa Perdana Menteri pertama, **Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Akhbar Utusan Melayu** kemudiannya melancarkan kutipan dana di **peringkat kebangsaan** yang mendapat sokongan Kerajaan Negeri, sektor korporat, pertubuhan dan rakyat, sehingga berjaya mengumpulkan lebih **M\$ (Malaysian Dollar) 60,170.20**.
3. Usaha ini kemudiannya berkembang menjadi sebuah institusi nasional apabila **Tan Sri Mohamed Khir Johari** mencadangkan penubuhan rasmi Yayasan menerusi **Akta Dana Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 (Akta 43)**.

Daripada sebuah dana yang digerakkan oleh rakyat, lahirlah sebuah institusi yang membuka pintu pendidikan tinggi kepada generasi muda Malaysia.

4. Yayasan ini lahir pada saat Malaysia masih sebuah negara baharu. Kurang sedekad selepas merdeka, negara memerlukan modal insan tempatan terutamanya doktor, jurutera, peguam, ahli akademik dan golongan profesional untuk bersama-sama membangunkan negara. **Yayasan Tunku Abdul Rahman tampil memenuhi keperluan tersebut melalui pinjaman dan biasiswa kepada anak-anak muda Malaysia untuk melanjutkan pengajian, termasuk ke luar negara.**

SUMBANGAN ENAM DEKAD

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

5. Untuk makluman semua, sepanjang enam dekad, Yayasan Tunku Abdul Rahman telah menyokong **lebih 12,000 anak muda Malaysia**, dengan pelaburan berjumlah **RM96.6 juta** menerusi biasiswa, bantuan kewangan dan program pembangunan kepimpinan merentasi kaum dan agama.
6. Namun, nilai sebenar Yayasan ini tidak boleh diukur dengan angka semata-mata. **Ukuran sebenarnya ialah manusia yang**

dibina, kehidupan yang berubah dan sumbangan yang mereka kembalikan kepada negara.

7. Seperti yang pernah diungkapkan oleh Tunku Abdul Rahman:
“We are all Malaysians. This is the bond that unites us.”
Semangat inilah yang terus hidup melalui Yayasan ini, membuka peluang kepada anak Malaysia dan menyatukan mereka melalui satu tanggungjawab bersama untuk membina negara.
8. Malam ini, kita bertuah kerana bersama kita dua individu yang menjadi bukti nyata kepada legasi YTAR — **Dr. Zakaria Ali dan Puan Ch'ng Kim See**, antara penerima terawal bantuan Yayasan Tunku Abdul Rahman.
9. Pada tahun 1968, Dr. Zakaria menerima biasiswa untuk melanjutkan pengajian Seni Halus di Southwestern University, Texas. Biasiswa tersebut disampaikan oleh Menteri Pendidikan ketika itu merangkap Pengerusi Yayasan, **Tan Sri Khir Johari**. Hampir enam dekad kemudian, Dr. Zakaria telah membina legasi sebagai pelukis, penulis, pendidik dan tokoh akademik seni.
10. Puan Ch'ng Kim See pula menerima pinjaman pengajian Yayasan pada tahun 1967 untuk melanjutkan pengajian dalam

bidang Sastera di Universiti Malaya. Beliau kemudiannya muncul sebagai antara tokoh berpengalaman dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat serantau.

11. Justeru, sempena **Ulang Tahun Ke-60 Yayasan Tunku Abdul Rahman**, Kerajaan menerusi Kementerian Perpaduan Negara akan memberikan penghargaan khas kepada **Dr. Zakaria Ali** atas sumbangan beliau dalam bidang seni, serta **Puan Ch'ng Kim See** atas sumbangan beliau dalam bidang kepustakawanan.

KOMITMEN YTAR UNTUK PENDIDIKAN NEGARA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Landskap pendidikan Malaysia telah berubah dengan pesat. Akses kepada pendidikan tinggi semakin luas dan semakin ramai anak muda berpeluang melanjutkan pengajian. Namun, **akses yang lebih luas tidak semestinya bermakna peluang yang sama rata.**
13. **Realitinya, masih terdapat anak muda daripada keluarga berkeperluan tinggi, komuniti luar bandar serta kelompok etnik tertentu yang berhadapan kekangan kewangan, akses kepada maklumat, jaringan sokongan dan peluang**

pembangunan diri. Ada yang mempunyai bakat dan keputusan akademik yang baik, tetapi tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk melangkah lebih jauh.

14. Justeru, cabaran kita hari ini bukan sekadar membawa lebih ramai anak muda ke universiti. Cabaran sebenar adalah memastikan siapa mereka, dari mana mereka datang dan kedudukan ekonomi keluarga tidak menentukan sejauh mana mereka boleh pergi.
15. Di sinilah Yayasan Tunku Abdul Rahman perlu terus memainkan peranan strategik. **Peranan Yayasan bukan lagi sekadar menyediakan biasiswa, tetapi mengenal pasti bakat, membuka akses dan membangunkan potensi anak muda yang mungkin tercicir daripada peluang.**
16. Melangkah ke hadapan, **YTAR akan terus memperkukuh sokongan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah dan komuniti yang kurang mendapat peluang; memperluas usaha mengenal pasti bakat di seluruh negara; serta memperkukuh pembangunan kepimpinan, bimbingan dan jaringan alumni.**

17. Usaha merapatkan jurang dan memperluas akses pendidikan tidak boleh dilaksanakan oleh Yayasan atau Kerajaan secara bersendirian. Ia memerlukan komitmen bersama sektor korporat, institusi, NGO dan individu. Justeru, **saya menyeru lebih banyak syarikat menjadikan pendidikan dan pembangunan bakat sebagai sebahagian penting daripada agenda Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mereka,** termasuk melalui kerjasama strategik bersama YTAR.
18. Sepanjang enam dekad, **lebih 300 rekod rakan strategik dan penderma telah bersama-sama menyokong perjalanan YTAR** daripada individu dan syarikat korporat, kepada universiti, yayasan, Kerajaan Negeri serta agensi Kerajaan. Sumbangan mereka bukan sekadar dalam bentuk dana; mereka telah membuka pintu ke menara gading dan mengubah masa depan ribuan anak Malaysia.
19. Kepada semua penderma dan rakan strategik YTAR, **bagi pihak Kerajaan Malaysia, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.** Sumbangan anda merupakan satu bentuk pelaburan sosial dalam pembangunan modal insan negara. Saya mohon kita berikan tepukan penghargaan kepada semua yang telah bersama YTAR sepanjang 60 tahun ini.

20. **Penghargaan yang sama saya tujukan kepada seluruh Ahli Lembaga Pemegang Amanah serta warga kerja YTAR, dahulu dan sekarang.** Enam dekad legasi ini dibina oleh ramai, tetapi disatukan oleh satu matlamat iaitu memastikan peluang pendidikan mampu mengubah kehidupan dan membina masa depan Malaysia.

ANUGERAH PINGAT TUNKU

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

21. Sebagai pemegang amanah legasi Tunku, Yayasan Tunku Abdul Rahman terus komited **mengenal pasti, mengiktiraf dan memperkasa pemimpin muda Malaysia** menerusi **Anugerah Pingat Tunku**. Sejak diperkenalkan pada tahun 1979, anugerah ini mengiktiraf individu yang menyerlah dalam kepimpinan serta menghayati nilai-nilai yang diperjuangkan oleh Tunku.
22. Setiap penerima berpeluang memperoleh ganjaran wang tunai dan gerak projek mencecah **RM44,000** untuk menterjemahkan idea kepada tindakan dan menghasilkan impak kepada masyarakat.

23. Antaranya, penerima Anugerah Emas Pingat Tunku 2022, **Durra Nur Nazeera**, telah membangunkan inisiatif *Smart Farmer* di Tok Bali, Kelantan. Inisiatif ini memperkasa **20 petani berpendapatan rendah**, mengusahakan **40 ekar tanah**, menghasilkan hampir **330,000 kilogram tanaman** dan menjana pendapatan mencecah **RM380,000**.
24. Inilah kepimpinan yang ingin kita lahirkan, **kepimpinan yang bukan sahaja mencapai kejayaan untuk diri sendiri, tetapi mencipta peluang dan membawa perubahan kepada orang lain**.
25. Sempena sambutan pada malam ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengumumkan bahawa **pencalonan Anugerah Pingat Tunku 2026 akan dibuka pada 31 Ogos 2026**. Buat julung kalinya, **pencalonan persendirian (*self-nominations*) turut dibuka** kepada graduan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di seluruh Malaysia.

PENUTUP

26. Sambutan Ulang Tahun Ke-60 ini bukanlah noktah kepada sebuah perjalanan, tetapi **permulaan kepada lembaran baharu Yayasan Tunku Abdul Rahman**. Bagi pihak

Kementerian Perpaduan Negara, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YTAR atas enam dekad membina manusia, membuka peluang dan menyumbang kepada negara.

27. **Jika 60 tahun yang lalu Yayasan ini ditubuhkan untuk membantu membina sebuah negara yang baharu, maka 60 tahun seterusnya harus menjadi perjalanan untuk membina generasi yang akan membawa Malaysia lebih jauh. Semoga legasi Tunku terus hidup bukan sekadar pada nama Yayasan ini, tetapi dalam setiap anak Malaysia yang diberikan peluang untuk bangkit, memimpin dan berbakti kepada negara.**

Dengan itu, saya **merasmikan Majlis Ulang Tahun Yayasan Tunku Abdul Rahman ke-60.**

Terima Kasih.